- 9 Rajah 9 menunjukkan nilai arus yang mengalir melalui sebuah transistor



Rajah 9

Berapakah nilai untuk arus I_B ?


- A 2.02 mA
 - B 2.00 mA
 - C 1.98 mA
 - D 0.02 mA
- 10 Rajah 10 menunjukkan satu litar transistor.



Rajah 10

Manakah yang perbandingan berikut benar bagi I_B , I_C dan I_E ?

- A $I_B > I_C > I_E$
 - B $I_B < I_C < I_E$
 - C $I_B > I_C < I_E$
 - D $I_B = I_C = I_E$
- 11 Rajah 11 menunjukkan litar rektifikasi gelombang penuh.




Rajah 11

Cadangkan satu modifikasi yang perlu dilakukan pada litar di Rajah 11 untuk memperolehi rektifikasi gelombang penuh yang licin?

- A Tambah sebuah inductor selari dengan R.
- B Tambah sebuah kapasitor selari dengan R
- C Tambah sebuah transistor selari dengan R
- D Tambah sebuah transformer selari dengan R

12 Rajah 12 menunjukkan suatu litar transistor.



Rajah 12

Apakah komponen X dan bilakah mentol menyala?

	Komponen X	Mentol menyala pada waktu..
A	Perintang peka haba	Siang
B	Perintang peka haba	Malam
C	Perintang peka cahaya	Siang
D	Perintang peka cahaya	Malam

BAB 12 : TENAGA NUKLEAR (Objektif)

- 1 Sinaran radioaktif yang dipancarkan semasa reputan radioaktif adalah secara rawak dan spontan.

Apakah jenis sinaran radioaktif yang terhasil?

- I sinar X
- II zarah alfa
- III zarah beta
- IV sinar gama

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV


- 2 87.5% atom Gallium-65 telah reput selepas 24 minit. Berapakah separuh hayat Gallium-65?

- A 6 minit
- B 8 minit
- C 12 minit
- D 15 minit

- 3 Antara berikut, yang manakah tindakbalas pelakuran?

- A ${}^{226}_{88}\text{Ra} \rightarrow {}^{222}_{86}\text{Ra} + \alpha + \text{Tenaga}$
- B ${}^{21}_{11}\text{Na} \rightarrow {}^{21}_{12}\text{Ra} + \beta + \text{Tenaga}$
- C ${}^2_1\text{H} + {}^2_1\text{H} \rightarrow {}^3_2\text{He} + {}^1_0\text{n} + \text{Tenaga}$
- D ${}^{239}_{92}\text{U} \rightarrow {}^{95}_{38}\text{Sr} + {}^{141}_{54}\text{Xe} + 3{}^1_0\text{n} + \text{Tenaga}$

- 4 Persamaan di bawah menunjukkan suatu reputan radioaktif.




Berapakah jumlah tenaga yang dibebaskan dalam tindak balas ini?

[Jisim Ra-226 = 226.02536 u.j.a, Jisim Rn-222 = 222.01753 u.j.a, Jisim He-4 = 4.00260 u.j.a]

- A $1.32 \times 10^{-12} \text{ J}$
- B $1.49 \times 10^{-12} \text{ J}$
- C $2.51 \times 10^{-13} \text{ J}$
- D $7.81 \times 10^{-13} \text{ J}$

- 5 Rajah 1 menunjukkan siri pereputan nukleus Uranium-238 kepada nukleus Radium-226.




Rajah 1

Berapakah bilangan zarah alfa dan zarah beta yang dihasilkan semasa proses ini?

	Bilangan zarah alfa	Bilangan zarah beta
A	2	3
B	2	6
C	3	2
D	6	2

- 6 Rajah 2 menunjukkan graf aktiviti melawan masa bagi satu unsur radioaktif X.



Rajah 2

Apakah separuh hayat bagi unsur X?

- A 24 hari
 B 48 hari
 C 96 hari
 D 192 hari
- 7 Berapakah kuantiti tenaga yang dibebaskan apabila terdapat kecacatan jisim 0.01 g?
- A 9×10^{14} J
 B 9×10^{11} J
 C 3×10^6 J
 D 3×10^3 J

8 Semasa Perang Dunia II, sebiji bom atom telah dijatuhkan di Hiroshima. Tenaga yang terhasil daripada ledakan bom tersebut adalah 1.5×10^{13} J. Berapakah nilai cacat jisim dalam unit u.j.a?

- A 1.4×10^{-27}
- B 1.4×10^{-4}
- C 1.67×10^{-4}
- D 1.004×10^{23}

9 Semasa proses pembelahan nukleus dalam reaktor nuklear,


- A neutron baharu dihasilkan
- B dua serpihan belahan dihasilkan
- C tenaga yang banyak dibebaskan
- D suhu adalah sangat tinggi

10 Pembelahan nukleus boleh berlaku di dalam reaktor nuklear. Komponen manakah yang dipadankan dengan fungsi yang betul?

	Komponen	Fungsi
A	Dinding konkrit	Memperlahankan neutron yang bergerak pantas
B	Rod pengawal	Tindak balas pembelahan berlaku di dalam rod untuk menghasilkan tenaga
C	Rod Uranium	Mengelakkan pelepasan sinaran berbahaya
D	Air	Menyerap tenaga haba daripada tindak balas berantai

BAB 13 : KUANTUM (Objektif)


- 1 Rajah 1 menunjukkan kesan fotoelektrik



Rajah 1

Apakah yang dimaksudkan dengan kesan fotoelektrik?

- A Apabila suatu permukaan logam disinari oleh alur cahaya yang mempunyai fungsi kerja tertentu, neutron daripada logam itu dapat dipancar keluar.
 - B Apabila suatu permukaan logam disinari oleh alur cahaya yang mempunyai frekuensi tertentu, neutron daripada logam itu dapat dipancar keluar.
 - C Apabila suatu permukaan logam disinari oleh alur cahaya yang mempunyai fungsi kerja tertentu, elektron daripada logam itu dapat dipancar keluar.
 - D Apabila suatu permukaan logam disinari oleh alur cahaya yang mempunyai frekuensi tertentu, elektron daripada logam itu dapat dipancar keluar.
- 2 Rajah 2 menunjukkan sebuah litar sel foto.



Rajah 2

Apakah nama arus yang dihasilkan oleh litar tersebut

- A Arus aruhan
- B Arus fotoelektrik
- C Arus terus
- D Arus ulang-alik

- 3 Satu cahaya dengan panjang gelombang, λ ditujukan kepada kepingan logam dan fotoelektron dibebaskan dengan tenaga kinetik yang minimum.

Antara berikut, perubahan yang manakah akan menghalang fotoelektron daripada dipancarkan?

- A Menambahkan tenaga bagi foton yang dipancarkan
 - B Menambahkan panjang gelombang bagi cahaya tuju
 - C Menggunakan kepingan logam dengan fungsi kerja lebih kecil
 - D Mengurangkan kuasa output bagi sumber cahaya
- 4 Rajah 3 menunjukkan satu katod bagi litar sel foto yang disalut dengan logam Cesium untuk menghasilkan arus fotoelektrik.



Rajah 3


Mengapakah logam Cesium biasanya dipilih sebagai katod?

- A Cesium mempunyai fungsi kerja, W yang lebih kecil
 - B Cesium mempunyai frekuensi ambang, f_0 yang tinggi
 - C Cesium merupakan logam superkonduktor
 - D Cesium dapat memerangkap cahaya dengan berkesan
- 5 Satu gelombang dengan frekuensi 5×10^{14} Hz ditujukan ke atas permukaan logam yang mempunyai fungsi kerjanya 3.2×10^{-19} J.

Dengan menggunakan rumus dari Teori Fotoelektrik Einstein, apakah tenaga kinetik bagi elektron yang dibebaskan?
[Pemalar Planck, $h = 6.63 \times 10^{-34}$ J s]

- A 1.15×10^{-20} J
- B 4.24×10^{-20} J
- C 1.035 J
- D 5.00×10^{-20} J


- 6 Rajah 4 menunjukkan suatu eksperimen untuk menghasilkan spektrum garis.



Rajah 4

Manakah antara ahli fizik berikut yang menerangkan mengenai penghasilan spektrum garis oleh atom hidrogen?

- A Louis de Broglie
 - B J J Thompson
 - C Max Planck
 - D Niels Bohr
- 7 Rajah 5 menunjukkan kesan resolusi yang dihasilkan oleh suatu mikroskop elektron apabila memerhatikan suatu spesimen.




Rajah 5

Apakah faktor yang menentukan kuasa pembezaan jelas sesebuah mikroskop ?

- A Amplitud gelombang
- B Panjang gelombang
- C Laju gelombang
- D Frekuensi gelombang

8 Rajah 6 menunjukkan satu jasad hitam.



Rajah 6

Antara pernyataan berikut, yang manakah benar mengenai jasad hitam?

- A Suatu jasad unggul yang berupaya menyerap sinaran elektromagnet dalam bentuk diskrit
- B Suatu jasad unggul yang berupaya menyerap sinaran elektromagnet yang berfrekuensi tinggi.
- C Suatu jasad unggul yang berupaya menyerap semua sinaran elektromagnet yang jatuh padanya
- D Suatu jasad unggul yang berupaya memancarkan elektron apabila sinaran elektromagnet jatuh padanya.

9 Antara rajah-rajah berikut, yang manakah bukan aplikasi kesan fotoelektrik



Lampu LED sepanjang jalan raya

B



Sistem penggera loceng kebakaran di sekolah

C



Pengesan cahaya pada pintu automatik

D



Operasi Sistem Angkasa Antarabangsa (ISS)

- 10 Frekuensi ambang bagi suatu logam adalah 3.5×10^{15} Hz dan satu cahaya dengan panjang gelombang 1.0×10^{-7} m jatuh di atas permukaannya.

Antara berikut yang manakah benar?


[Laju cahaya = 3.0×10^8 m s⁻¹]

- A Tiada pancaran fotoelektrik berlaku
 - B Fotoelektrik dipancarkan dengan halaju sifar
 - C Fotoelektrik dipancarkan dengan halaju sebanyak 10^3 m s⁻¹
 - D Terdapat pancaran maksimum fotoelektrik berlaku
- 11 Berdasarkan Teori Kuantum cahaya
- A Cahaya adalah gelombang elektromagnet
 - B Cahaya adalah tenaga yang selanjat dan berterusan
 - C Tenaga cahaya berkadar terus dengan frekuensi
 - D Tenaga cahaya berkadar terus dengan panjang gelombang

- 12 Satu foton bagi gelombang elektromagnet mempunyai momentum yang menyamai elektron yang bergerak dengan halaju $2.0 \times 10^6 \text{ m s}^{-1}$.
Apakah panjang gelombang de Broglie bagi foton tersebut?
[Pemalar Planck, $h = 6.63 \times 10^{-34} \text{ J s}$ dan jisim elektron, $m = 9.1 \times 10^{-31} \text{ kg}$]

- A $2.75 \times 10^9 \text{ m}$
- B $6.86 \times 10^{-4} \text{ m}$
- C $3.64 \times 10^{-10} \text{ m}$
- D $3.33 \times 10^{-10} \text{ m}$

- 13 Rajah 7 menunjukkan tenaga cahaya wujud dalam bentuk paket tenaga yang dikenali sebagai




Rajah 7

- A Spektrum selanjat
- B Foton
- C Spektrum diskrit
- D Jasad hitam

SOALAN KERTAS 2: BAHAGIAN A

BAB 2: DAYA DAN GERAKAN 1

1. Rajah 1 menunjukkan satu graf sesaran-masa bagi sebuah kereta.



Rajah 1

- (a) Apakah maksud sesaran?

.....
[1 markah]

- (b) Gariskan jawapan yang betul.
Kereta bergerak dengan halaju (bertambah, seragam) dari A ke B.

[1 markah]

- (c) Tentukan jumlah sesaran kereta dalam 20 s.

.....
[1 markah]

- (d) Apakah yang berlaku kepada sesaran jika kereta berpatah balik?

.....
[1 markah]

BAB 3: KEGRAVITIAN

1. Rajah 1 di bawah menunjukkan jisim dan jejari bagi Planet Marikh dan Bulan.



Planet Marikh
Jisim : $6.42 \times 10^{23} \text{ kg}$
Jejari : $3.4 \times 10^6 \text{ m}$



Bulan
Jisim : $7.35 \times 10^{22} \text{ kg}$
Jejari : $1.74 \times 10^6 \text{ m}$

Rajah 1

- (a) Nyatakan maksud bagi halaju lepas .

.....
[1 markah]

- (b) Berdasarkan data yang diberikan,
(i) Hitung halaju lepas dari permukaan Marikh.

(ii) Hitung halaju lepas dari permukaan Bulan
[2 markah]

[2 markah]


- (c) Halaju lepas bagi suatu objek
(i) bergantung kepada

.....
[1 markah]

- (ii) tidak bergantung kepada

.....
[1 markah]

2. Rajah 2 menunjukkan dua satelit, A dan B berjisim sama mengorbit mengelilingi Bumi pada ketinggian 501 000 km dan 350 000 km masing-masing dari pusat Bumi. Satelit ini bergerak dengan suatu laju linear dan pada arah yang sama dengan arah putaran Bumi tetapi tempoh orbit yang berbeza berbanding dengan Bumi.



Rajah 2

- (a) Berdasarkan data yang diberikan,

(i) jarak dari pusat Bumi

.....
[1 markah]

(ii) magnitud daya graviti

.....
[1 markah]

(iii) laju linear

.....
[1 markah]

- (b) Berdasarkan jawapan di 2(a), nyatakan hubungan antara magnitud daya graviti yang bertindak dengan


(i) jarak dari pusat bumi

.....
[1 markah]

(ii) laju linear satelit

.....
[1 markah]

3. Rajah 3 menunjukkan sebuah satelit berjisim 300 kg sedang mengorbit mengelilingi Bumi pada ketinggian $h = 3.7 \times 10^5$ m dari permukaan Bumi.



Rajah 3

Jisim Bumi = 5.97×10^{24} kg

Jejari Bumi = 6.37×10^6 m

Pemalar Kegravitian, $G = 6.67 \times 10^{-11} \text{ Nm}^2 \text{ kg}^{-2}$

- (a) Hitung tenaga keupayaan graviti bagi satelit .

[2 markah]

- (b) Jika satelit tersebut ingin mengelilingi Bumi dalam tempoh 24 Jam (86 400 saat), tentukan jejari orbit satelit yang baharu dari pusat Bumi.

[3 markah]

BAB 4: HABA

1. Rajah 1 menunjukkan satu minuman berperisa coklat pada suhu 50°C . Beberapa ketul ais dimasukkan ke dalam minuman tersebut.



Rajah 1

- (a) (i) Pilih pernyataan yang paling tepat

	Ais mendapat tenaga haba
	Ais kehilangan tenaga haba
	Minuman coklat mendapat tenaga haba

[1 markah]

- (ii) Namakan keadaan yang dicapai oleh campuran

.....

[1 markah]

- (b) Pada graf 1 yang sama, lakar dan labelkan graf suhu melawan masa untuk proses:



Graf 1

- (i) Membuat minuman coklat ais

[2 markah]

- (ii) Ais yang cair

[2 markah]

- (iii) Pada graf 1, tandakan dengan 'X' di mana ais wujud dalam keadaan pepejal dan cecair

[1 markah]


- (c) Berapakah haba yang diperlukan untuk mencairkan 500g ais pada suhu 0°C untuk menjadi cecair pada suhu 30°C ?

[Muatan haba tentu pelakuran ais = $3.34 \times 10^5 \text{ J kg}^{-1}$, muatan haba tentu air = $4.2 \times 10^3 \text{ J kg}^{-1}\text{C}^{-1}$]

[2 markah]

BAB 5: GELOMBANG

1. Rajah 1 menunjukkan sebuah kapal selam memancarkan gelombang ultrasonik ke arah dasar lautan.



Rajah 1

- (a) Berdasarkan rajah 1 yang diberikan,
 - (i) Apakah fenomena gelombang yang terlibat?
.....
[1 markah]
 - (ii) Hitungkan jarak kapal selam dengan dasar lautan tersebut jika gelombang bunyi terpantul dikesan selepas 4 saat.
[Halaju gelombang ultrasonik = $1\,560 \text{ m s}^{-1}$]

[3 markah]

- (b) Jadual 2 menunjukkan empat ciri-ciri dewan terbuka P, Q, R dan S yang berbeza



Rajah 2

Dewan	Jarak antara dua pembesar suara, a	Kedudukan mikrofon
P	Jauh	Di belakang pembesar suara
Q	Jauh	Di hadapan pembesar suara
R	Dekat	Di belakang pembesar suara
S	Dekat	Di hadapan pembesar suara

Jadual 2

Anda telah ditugaskan mencari dewan yang paling sesuai untuk mengadakan sebuah konsert amal di kawasan anda.

- (i) Jarak dua pembesar suara

.....
Sebab

.....
[2 markah]

- (ii) Kedudukan mikrofon

.....
Sebab


.....
[2 markah]

- (c) Berdasarkan jawapan anda di (b), tentukan dewan yang paling sesuai untuk diadakan konsert amal tersebut

.....
[1 markah]

BAB 6: CAHAYA

1. (a) Rajah 1.1 menunjukkan sebuah cermin yang di pasang pada satu simpang di jalan raya. Tujuan cermin ini dipasang adalah untuk membantu pemandu melihat kenderaan yang datang dari jalan utama.



Rajah 1.1


- (i) Nyatakan jenis cermin yang digunakan.

.....
[1 markah]

- (ii) Apakah kelebihan cermin ini seperti yang dinyatakan di 1(a)(i)?

.....
[1 markah]

- (b) Pada Rajah 1.2, C ialah pusat kelengkungan dan F ialah titik fokus suatu cermin.



Rajah 1.2

- (i) Pada Rajah 1.2, lengkapkan rajah sinar untuk menunjukkan imej yang terbentuk.

[3 markah]


- (ii) Nyatakan satu ciri imej yang terbentuk.

.....
[1 markah]

- (iii) Apakah yang akan berlaku kepada saiz imej apabila kelengkungan kanta cembung dikurangkan?

[1 markah]

- (c) Rajah 1.3 menunjukkan imej yang dihasilkan oleh satu kanta cembung.




Rajah 1.3

Hitung panjang fokus, f bagi kanta cembung tersebut.


[2 markah]

BAB 7: DAYA DAN GERAKAN 2

1. Rajah 1(a) menunjukkan suatu spring dimampatkan oleh sebiji keluli dengan daya, F_1 N. Rajah 1(b) menunjukkan jarak bola keluli itu bergerak 2 saat selepas daya F_1 dilepaskan.




Rajah 1(a)




Rajah 1(b)

Rajah 2(a) menunjukkan suatu spring dimampatkan oleh sebiji keluli yang sama dengan daya, F_2 N. Rajah 2(b) menunjukkan jarak bola keluli itu bergerak 2 saat selepas daya F_2 dilepaskan.



Rajah 2(a)



Rajah 2(b)

- (a) Namakan jenis tenaga yang dimiliki oleh spring itu semasa dimampatkan.

 [1 markah]
- (b) Perhatikan Rajah 1(a) dan Rajah 2(a)
 (i) Bandingkan daya mampatan F_1 dan F_2

 [1 markah]
- (ii) Bandingkan jarak mampatan spring-spring itu

 [1 markah]
- (c) Perhatikan Rajah 1(b) dan Rajah 2(b).
 (i) Bandingkan halaju keluli pada masa $t=2$ s

 [1 markah]
- (ii) Bandingkan tenaga kinetik bola-bola keluli itu

 [1 markah]
- (d) Berdasarkan jawapan dalam 1(b) dan 1(c), nyatakan hubungan antara tenaga keupayaan elastik spring dengan tenaga kinetik bagi bola keluli itu

 [1 markah]
- (e) Berdasarkan Rajah 1(a), apakah yang berlaku kepada tenaga kinetik bola keluli itu apabila spring digantikan dengan spring lebih tebal tetapi sifat-sifat fizikal yang lain adalah sama.


 [1 markah]
- (f) Berikan **satu** sebab kepada jawapan di 1(e).

 [1 markah]

BAB 8: TEKANAN


- Rajah 1.1 dan 1.2 menunjukkan situasi aras air dalam turus menegak sebelum dan semasa udara berhalaju tinggi mengalir melalui tiub mengufuk

Tiada udara mengalir



Rajah 1.1

Aliran udara berhalaju tinggi



Rajah 1.2

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan laju?

.....
[1 markah]

- (b) Berdasarkan rajah 1.1 dan rajah 1.2,
(i) bandingkan diameter tiub melintang di A dan B.

.....
[1 markah]

- (ii) bandingkan laju udara di A dan B

.....
[1 markah]

- (iii) bandingkan tekanan udara di A dan B.

.....
[1 markah]

- (c) Berdasarkan jawapan anda di 1(b), nyatakan hubungan antara kelajuan udara dengan

- (i) Tekanan udara

.....
.....
[1 markah]

- (ii) Tinggi turus air dalam tiub menegak


.....
.....
[1 markah]

- (d) Namakan prinsip fizik yang terlibat dalam 1(c).

-
[1 markah]
- (e) Senaraikan dua aplikasi bagi prinsip fizik dinyatakan di 1(d).

.....
[2 markah]

2. Rajah 2.1 menunjukkan dua botol yang serupa P dan Q diisi dengan pasir terapung pegun di dalam air.



Rajah 2.1

- (a) (a) Tandakan (/) pada jawapan yang betul dalam kotak yang disediakan.

☐

Berat botol Q lebih kecil daripada daya apung.

☐

Berat botol Q lebih besar daripada daya apung.

☐

Berat botol Q sama dengan daya apung.

[1 markah]

- (b) Berdasarkan rajah 2.1,
(i) bandingkan berat kedua-dua botol P dan Q.

.....
[1 markah]

- (ii) bandingkan isipadu botol P dan Q yang tenggelam

.....
[1 markah]

- (iii) bandingkan berat air yang tersesar oleh botol P dan Q

.....
[1 markah]

(c) Berdasarkan jawapan anda di 2(b), nyatakan hubungan antara berat air tersesar dengan


(i) isipadu botol yang tenggelam

.....
.....
[1 markah]

(ii) berat botol

.....
.....
[1 markah]

(d) Rajah 2.2 menunjukkan sebuah bot bersama dua orang penumpang dan muatan bergerak dari laut ke sungai.



Rajah 2.2

(i) Paras bot tenggelam semakin bertambah apabila bergerak ke arah sungai. Apakah yang perlu dilakukan untuk memastikan bot itu tidak tenggelam?

.....
[1 markah]

(ii) Berikan satu sebab untuk jawapan anda dalam 2(d)(i).

.....
[1 markah]


(iii) Nyatakan hukum yang terlibat berdasarkan situasi di 2(d)(i).

.....
[1 markah]


BAB 9: ELEKTRIK

1. Rajah 6.1(a) dan 6.2(a) menunjukkan dua susunan litar untuk mengkaji hubungan antara beza keupayaan dan arus bagi satu dawai konstantan yang mempunyai panjang yang berbeza.


Rajah 6.1(b) dan 6.2(b) menunjukkan graf beza keupayaan melawan arus yang sepadan bagi Rajah 6.1(a) dan 6.2(a) masing-masing. Kecerunan graf mewakili rintangan dawai konstantan itu.




Rajah 6.1(a)
Diagram 6.1(a)



Rajah 6.1(b)
Diagram 6.1(b)



Rajah 6.2(a)
Diagram 6.2(a)



Rajah 6.2(b)
Diagram 6.2(b)

(a) Apakah maksud beza keupayaan?

.....
[1 markah]

(b) Berdasarkan rajah 6.1 dan rajah 6.2,

(i) bandingkan panjang dawai konstantan itu.

.....
[1 markah]


(ii) bandingkan rintangan dawai konstantan itu.

.....
[1 markah]

(iii) hubungkan panjang dawai dengan rintangan.

.....
[1 markah]

(c) Rajah 6.3 menunjukkan dua perintang X dan Y masing-masing $20\ \Omega$ disambungkan ke sel kering, 6V



Rajah 6.3

Berdasarkan rajah 6.3, hitungkan

- (i) Rintangan berkesan litar itu.

[2 markah]

- (ii) Arus, I

[1 markah]

- (iii) Kuasa yang dilesapkan oleh perintang X


[1 markah]

- (d) Apakah yang akan berlaku kepada arus I jika perintang X dikeluarkan?


.....

[1 markah]

2. Rajah 2.1 dan Rajah 2.2 menunjukkan dua litar elektrik. Dawai konstantan X dan Y adalah sama panjang. Arus yang mengalir dalam kedua-dua litar adalah sama.



Rajah 2.1



rajah 2.2

- (a) Apakah maksud arus?

.....
[1 markah]

- (b) Berdasarkan rajah 2.1 dan rajah 2.2,
(i) bandingkan bacaan ammeter.

.....
[1 markah]

- (ii) bandingkan ketebalan dawai X dan dawai Y.

.....
[1 markah]

- (iii) bandingkan bacaan voltmeter.

.....
[1 markah]


- (iv) nyatakan hubungan antara ketebalan dawai dan beza keupayaan.

.....
[1 markah]

- (c) Nyatakan **satu** kuantiti fizik lain yang mempengaruhi rintangan dawai konstantan.

.....
[1 markah]

- (d) Dawai konstantan Y yang lain kemudiannya diletakkan secara selari dalam litar seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.3. Magnitud arus masih dikekalkan pada nilai yang sama seperti sebelumnya.



Rajah 2.3

Berdasarkan rajah 6.3, hitungkan

- (i) Apakah yang berlaku kepada bacaan voltmeter?


.....
[1 markah]

- (ii) Berikan **satu** sebab kepada jawapan 2(d)(i).


.....
[1 markah]

BAB 10: KEELEKTROMAGNETAN

1. Rajah 1.1 dan Rajah 1.2 menunjukkan satu magnet bar dijatuhkan ke dalam dua gegelung yang berbeza dari ketinggian yang sama.



Rajah 1.1



Rajah 1.2

- (a) Namakan kuantiti fizik yang di ukur oleh galvanometer

.....
[1 markah]

- (b) Berdasarkan Rajah 1.1 dan Rajah 1.2,

- (i) bandingkan kekuatan medan magnet bagi magnet bar

 [1 markah]
- (ii) bandingkan bilangan lilitan gegelung

 [1 markah]
- (iii) bandingkan sudut pesongan penunjuk galvanometer

 [1 markah]
- (c) Menggunakan jawapan di (b)
- (i) nyatakan hubungan antara bilangan lilitan gegelung dengan sudut pesongan penunjuk galvanometer

 [1 markah]
- (ii) Nyatakan hubungan antara bilangan lilitan gegelung dengan kadar perubahan fluks magnet


 [1 markah]
- (d) Nyatakan hubungan antara kadar perubahan fluks magnet dengan magnitud arus aruhan yang dihasilkan.

 [1 markah]
- (e) Namakan hukum yang terlibat dalam (c)(i)


 [1 markah]
- (f) Nyatakan satu cara lain yang boleh menambah sudut pesongan galvanometer

 [1 markah]

2. Rajah 2.1 dan rajah 2.2 menunjukkan ketinggian pesongan ayunan wayar konduktor apabila disambungkan kepada suatu bekalan arus terus.



Rajah 2.1





Rajah 2.2

- (a) Namakan peraturan yang digunakan dalam situasi di atas.

.....
[1 markah]

- (b) (i) Pada rajah 2.3, Lukis corak medan lastik daripada hasil tindak balas daya dalam medan magnet.



Rajah 2.3

[2 markah]

- (ii) Jika arah aliran arus disonsangkan, nyatakan arah pesongan wayar konduktor dalam rajah 2.1.

.....
[1 markah]

(c) Perhatikan rajah 2.1 dan rajah 2.2, bandingkan

(i) bilangan magnet yang mewakili kekuatan medan magnet

.....
[1 markah]

(ii) pesongan ketinggian ayunan wayar konduktor

.....
[1 markah]

(iii) nilai arus elektrik yang dibekalkan

.....
[1 markah]

(d) Berdasarkan jawapan di 2(c), nyatakan hubungan antara ketinggian ayunan wayar konduktor dengan

(i) bilangan magnet yang mewakili kekuatan medan magnet


.....
[1 markah]

(i) bekalan arus elektrik

.....
[1 markah]

BAB 11: ELEKTRONIK

1. Rajah 1.1 menunjukkan litar suis automatik yang menyalakan lampu jalan pada waktu malam.



Rajah 1.1

(a) Namakan jenis transistor T?

.....
[1 markah]


(b) Nyatakan fungsi perintang R2?

.....
[1 markah]

- (c) Nyatakan apakah yang berlaku kepada rintangan perintang peka cahaya (PPC) apabila keamatan cahaya adalah rendah?

.....
[1 markah]

- (d) Perhatikan Rajah 1.2 menunjukkan sebuah litar transistor



Rajah 1.2

Mentol akan menyala jika V_{BE} adalah lebih besar dari 0.7 V.
Hitungkan beza keupayaan merentasi tapak-pengeluar, V_{BE} bagi setiap perintang itu.

- (i) V_{BE} untuk $50\ \Omega$

- (ii) V_{BE} untuk $100\ \Omega$

- (iii) V_{BE} untuk $200\ \Omega$

[4 markah]


- (e) Anda diberi tiga perintang R_3 yang setiapnya berintangan $50\ \Omega$, $100\ \Omega$ dan $200\ \Omega$.
Berdasarkan jawapan anda dalam 1(e), pilih perintang yang paling sesuai untuk digunakan sebagai perintang R_3 .

Berikan satu sebab bagi jawapan anda.

.....
.....
.....

[2 markah]

2. Rajah 2.1 menunjukkan satu tiub sinar katod ringkas. Katod memancarkan elektron apabila suis P ditutup.



Rajah 2.1

- (a) Namakan proses yang membolehkan pemancaran elektron pada katod.

.....
[1 markah]


- (b) Nyatakan satu sebab mengapa voltan lampau tinggi digunakan.

.....
[1 markah]

- (c) Apabila elektron mengalir dalam tiub sinar katod, arus yang mengalir dalam masa 5 saat ialah 0.01 A.
Hitungkan jumlah cas pada elektron itu.

[2 markah]

- (d) Rajah 2.2 menunjukkan lintasan satu sinar katod yang tidak lengkap dalam medan elektrik.




- [1 markah]

- [1 markah]

Diagram illustrating the alpha decay of Radium-226 ($^{226}_{88}\text{Ra}$) into Radon-222 ($^{222}_{86}\text{Rn}$) and Helium-4 (^4_2He), releasing energy (Tenaga Energy).

Masses and atomic masses (a.m.u.) are provided for the reactants and products:

- $^{226}_{88}\text{Ra}$: 226.025406 u.j.a, a.m.u.
- $^{222}_{86}\text{Rn}$: 222.017574 u.j.a, a.m.u.
- ^4_2He : 4.002603 u.j.a, a.m.u.
- Released Energy: $7.81 \times 10^{-13} \text{ J}$



 $^{14}_6\text{C}$

 14.003242 u.j.a

a.m.u

 $\rightarrow$

 $^{14}_7\text{N}$

 14.003074 u.j.a

a.m.u

 +

 $^0_{-1}e$

 +

 Tenaga

 Energy

 Jisim amat kecil

Negligible mass

 $2.51 \times 10^{-14} \text{ J}$

[1 markah]

b) Namakan jenis reputan radioaktif:

Rajah 1.1 :
[1 markah]

Rajah 1.2 :
[1 markah]

c) Berdasarkan Rajah 1.1 dan Rajah 1.2:

i) bandingkan cacat jisim selepas proses reputan berlaku.

.....
[1 markah]

ii) bandingkan jumlah tenaga yang dibebaskan.

.....
[1 markah]

iii) nyatakan hubungan antara cacat jisim dengan tenaga yang dibebaskan.

.....
[1 markah]

d) Setengah hayat Radium-226 dan Karbon-14 masing-masing ialah 1600 tahun dan 5600 tahun.

i) Apakah maksud separuh hayat?


.....
[1 markah]

ii) Unsur radioaktif yang manakah akan mereput pada kadar yang lebih tinggi?
Terangkan jawapan anda.

.....
.....
[2 markah]

BAB 13: KUANTUM

1. Rajah 1 menunjukkan satu radas eksperimen untuk mengkaji kesan fotoelektrik.



Rajah 1

- (a) Apakah zarah yang dipancar keluar oleh anod semasa proses kesan fotoelektrik?

.....
[1 markah]

- (b) Pada Rajah 1, labelkan permukaan logam di mana kesan tersebut berlaku, di dalam salah satu kotak jawapan.

[1 markah]

- (c) Apabila suatu cahaya hijau dengan frekuensi 6×10^{14} Hz disinarkan pada permukaan logam, tenaga kinetik maksimum yang dibebaskan daripada permukaan logam ialah 6.2×10^{-20} J.
[Pemalar Planck, $h = 6.63 \times 10^{-34}$ J s]
Hitungkan


(i) fungsi kerja, W bagi permukaan logam.

[2 markah]

(ii) frekuensi ambang logam

[2 markah]

- (d) Pada graf tenaga kinetik maksimum, E_{maks} melawan frekuensi di bawah, labelkan kedudukan frekuensi ambang, F dan fungsi kerja W




[2 markah]

- (e) Apakah yang akan berlaku kepada bacaan ammeter jika keamatan cahaya hijau yang lebih tinggi disinarkan ke atas logam?


.....
.....

[1 markah]

- 2 Rajah 2.1 (a) dan Rajah 2.1 (b) menunjukkan kesan fotoelektrik ke atas satu permukaan logam dengan frekuensi ambang bagi logam tersebut adalah 5.03×10^{14} Hz apabila dipancarkan dengan cahaya hijau dari lampu.



Rajah 2.1 (a)



Rajah 2.1 (b)

- (a) Apakah maksud kesan fotoelektrik

.....

[1 markah]

- (b) Berdasarkan Rajah 2.1 (a) dan Rajah 2.1 (b), bandingkan

- (i) keamatan cahaya hijau

.....

[1 markah]

- (ii) bilangan fotoelektron yang dibebaskan

.....

[1 markah]

- (iii) frekuensi cahaya hijau

.....

[1 markah]

- (c) Cahaya hijau digantikan dengan cahaya kuning yang Panjang gelombang 580 nm dan dipancarkan ke atas permukaan logam sama.

- (i) Hitungkan frekuensi bagi cahaya kuning tersebut.

[Pemalar Planck, $h = 6.63 \times 10^{-34} \text{ J s}$]

[2 markah]

- (ii) Apakah kesan fotoelektrik boleh berlaku apabila Cahaya kuning dipancarkan ke atas logam? Jelas jawapan anda.

.....

.....

[2 markah]

SKEMA JAWAPAN BAHAGIAN A

BAB 2 : DAYA DAN GERAKAN 1

1.	D	2.	D	3.	C	4.	C	5.	A
6.	B	7.	B	8.	B	9.	B	10.	B
11.	C	12.	D	13.	B	14.	C	15.	B

BAB 3 : KEGRAVITIAN

1.	B	2.	B	3.	C	4.	B	5.	B
6.	A	7.	B	8.	D	9.	D	10.	D
11.	B	12.	C						

BAB 4 : HABA

1.	C	2.	A	3.	C	4.	C	5.	D
6.	C	7.	B	8.	D	9.	D	10.	D

BAB 5 : GELOMBANG

1.	A	2.	C	3.	C	4.	C	5.	B
6.	C	7.	B	8.	D	9.	C	10.	D
11.	D	12.	D	13.	C				

BAB 6 : CAHAYA

1.	C	2.	B	3.	C	4.	C	5.	C
6.	A	7.	A	8.	D	9.	A	10.	D
11.	A	12.	B	13.	A	14.	D		

BAB 7 : DAYA DAN GERAKAN 2

1.	D	2.	D	3.	B	4.	A	5.	A
6.	A	7.	C	8.	B	9.	D	10.	B
11.	D	12.	B	13.	B	14.	C	15.	A
16.	D	17.	A						

BAB 8 : TEKANAN

1.	A	2.	B	3.	A	4.	B	5.	A
6.	B	7.	D	8.	D	9.	D	10.	B

BAB 9 : ELEKTRIK

1.	C	2.	A	3.	B	4.	A	5.	B
6.	C	7.	B	8.	C	9.	B	10.	C

BAB 10 : ELEKTROMAGNET

1.	C	2.	D	3.	C	4.	C	5.	A
6.	A	7.	C	8.	C	9.	B	10.	B
11.	B	12.	D	13.	A	14.	A	15.	C

BAB 11 : ELEKTRONIK

1.	A	2.	C	3.	D	4.	A	5.	A
6.	A	7.	A	8.	B	9.	D	10.	B
11.	D	12.	D						

BAB 12 : TENAGA NUKLEAR

1.	D	2.	B	3.	C	4.	D	5.	C
6.	A	7.	D	8.	D	9.	A	10.	D

BAB 13 : FIZIK KUANTUM

1.	D	2.	B	3.	B	4.	A	5.	A
6.	D	7.	B	8.	C	9.	B	10.	A
11.	C	12.	C	13.	B				

SKEMA JAWAPAN BAHAGIAN B


BAB 2 : DAYA DAN GERAKAN 1

No	Peraturan pemarkahan	Markah
1.(a)	Jarak dalam arah tertentu	1
(b)	Seragam	1
(c)	35 m	1
(d)	Berkurang	1
	JUMLAH	4

BAB 3 : KEGRAVITIAN

No	Peraturan pemarkahan	Markah
1 (a)	Halaju minimum yang diperlukan oleh objek di permukaan Bumi untuk mengatasi daya graviti dan terlepas ke angkasa lepas.	1
(b)(i)	$\sqrt{\frac{2(6.67 \times 10^{-11})(6.42 \times 10^{23})}{3.4 \times 10^6}}$ $v = 5.01 \times 10^3 m s^{-1}$	1 1
(ii)	$\sqrt{\frac{2(6.07 \times 10^{-11})(7.35 \times 10^{22})}{1.74 \times 10^6}}$ $v = 2.37 \times 10^3 m s^{-1}$	1 1
(c)(i)	Jisim planet	1
(ii)	Jisim objek	1
	JUMLAH	7
2(a)(i)	Jarak dari pusat Bumi satelit A > satelit B	1
(ii)	Magnitud daya graviti yang bertindak ke atas satelit B > satelit A	1
(iii)	Laju linear dalam orbit satelit B > satelit A	1
b(i)	Magnitud daya graviti yang bertindak ke atas satelit bertambah, jarak dari pusat Bumi satelit berkurang.	1
(ii)	Magnitud daya graviti yang bertindak ke atas satelit bertambah, laju linear dalam orbit satelit bertambah	1
3 (a)	$U = - \left[\frac{(6.67 \times 10^{-11})(5.97 \times 10^{24})(300)}{(6.37 \times 10^6)(3.7 \times 10^5)} \right]$ $U = 1.772 \times 10^{10} J$	1 1
(b)	$(86400)^2 = \frac{4\pi^2 r^3}{(6.67 \times 10^{-11})(5.97 \times 10^{24})}$ $r = 42226910 m$	1 1 1
	JUMLAH	10


BAB 4 : HABA

No	Peraturan pemarkahan	Markah
1 (a)(i)	Ais mendapat tenaga haba	1
a(ii)	Keseimbangan terma	1
b)	Suhu (°C)	1
(i)		1
(ii)		1
(iii)		1
c)	$Q = mc\Delta\theta + ml$ $= 0.5 [(4.2 \times 10^3 \times 30) + (3.34 \times 10^5)]$ $= 230\,000 \text{ J}$	1
	JUMLAH	9

BAB 5: GELOMBANG

No	Peraturan pemarkahan	Markah
1 (a)(i)	Pantulan	1
(ii)	$d = tv/2$ $= 4 (1560) / 2$ $= 3120 \text{ m}$	1
		1
		1
b) (i)	Jarak jauh	1
	Jarak antara dua bunyi kuat berturutan lebih rapat / kerap	1
(ii)	Kedudukan mikrofon – di belakang pembesar suara	1
	Elakkan bunyi bising	1
c)	P	1
	JUMLAH	9

BAB 6: CAHAYA

No	Peraturan pemarkahan	Markah
1	Cermin cembung	1
(a)(i)	Medan/sudut penglihatan lebih luas	1
(b)(i)	 1m – garis melalui C / line passes through C 1m – garis melalui F / line passes through F 1m – imej / image	3
(b)(ii)	Diperkecilkan, tegak dan maya	1
(b)(iii)	Semakin bertambah	1
(c)	$\frac{1}{f} = \frac{1}{20} + \frac{1}{5}$ $f = 4\text{cm}$	1 1
JUMLAH		9

BAB 7: DAYA DAN GERAKAN 2

No	Peraturan pemarkahan	Markah
1 (a)	Tenaga keupayaan kenyal	1
b(i)	Daya mampatan, F_2 lebih besar daripada F_1	1
b(ii)	Jarak mampatan dalam Rajah 1(a) lebih besar daripada Rajah 2(a)	1
c(i)	Halaju dalam Rajah 2(b) lebih tinggi daripada Rajah 1(b)	1
c(ii)	Tenaga kinetik dalam Rajah 2(b) lebih tinggi daripada Rajah 1(b)	1
d	Semakin bertambah tenaga keupayaan elastik, semakin bertambah tenaga kinetik	1
e	Tenaga kinetik meningkat	1
f	Tenaga kinetik meningkat apabila ketebalan spring meningkat	1
JUMLAH		9

BAB 8 : TEKANAN

No.	Peraturan pemarkahan	Markah
1. (a)	Kadar perubahan jarak	1
(b) (i)	$A > B // B < A$	1
(ii)	$B > A // A < B$	1
(iii)	$A > B // B < A$	1
(c) (i)	Semakin meningkat laju udara, semakin rendah tekanan	1
(ii)	Semakin meningkat laju udara, semakin tinggi paras air	1
(d)	Prinsip Bernoulli	1
(e)(i) (ii)	Bentuk aerofoil / Penunu Bunsen / Karburetor kereta (Mana-mana 2)	2
	JUMLAH	9

No	Peraturan pemarkahan	Markah
2(a)	☐ / Berat botol Q sama dengan daya apung.	1
(b)(i)	Berat botol Q lebih besar dari botol P	1
(b)(ii)	Isipadu botol Q tenggelam lebih besar dari botol P	1
(b)(iii)	Berat air tersesar botol Q lebih banyak dari botol P	1
(c)(i)	Lebih besar isipadu botol tenggelam maka lebih besar berat air tersesar	1
(c)(ii)	Berat botol adalah sama dengan berat air yang disesarkan	1
(d)(i)	Singkirkan barang-barang dari bot	1
(d)(ii)	Berat bot berkurang // Isipadu air tersesar berkurang // Berat air tersesar berkurang	1
(d)(iii)	Hukum keapungan	1
	JUMLAH	9

BAB 9 : ELEKTRIK


No	Peraturan pemarkahan	Markah
1 (a)	Tenaga yang diperlukan untuk menggerakkan 1C cas di antara dua titik dalam litar elektrik	1
(b)(i)	Dawai pada Rajah 6.1 adalah lebih panjang	1
(b)(ii)	Rintangan dawai pada Rajah 6.1 adalah lebih tinggi	1
(b)(iii)	Semakin panjang dawai semakin tinggi rintangan	1
(c)(i)	$1/R = 1/20 + 1/20$ $R = 10 \Omega$	1 1
(c)(ii)	$I = 6/10 = 0.6 \text{ A}$	1
(c)(iii)	$P = VI = 6(0.3) = 1.8 \text{ W}$	1
(d)	Berkurang	1
	JUMLAH	9

2 (a)	Kadar pengaliran cas	1
(b)(i)	sama	1
(ii)	(Ketebalan dawai) $X < Y$ // Rajah 2.1 < Rajah 2.2 // sebaliknya	1
(iii)	(Bacaan voltmeter) Rajah 2.1 > Rajah 2.2 // sebaliknya	1
(iv)	Ketebalan dawai bertambah, beza keupayaan berkurang	1
(c)	Panjang	1
(d)(i)	Berkurang	1
(ii)	Rintangan berkesan / jumlah Rintangan (dalam litar) berkurang	1
	JUMLAH	8

BAB 10 : ELEKTROMAGNET

No	Peraturan pemarkahan	Markah
1(a)	Arus elektrik	1
(b)(i)	Kekuatan medan magnet bar adalah sama	1
(ii)	Bilangan lilitan gegelung pada rajah 1.1 < rajah 1.2	1
(iii)	Sudut pesongan penunjuk galvanometer pada rajah 1.1 < rajah 1.2	1
(c)(i)	Semakin bertambah bilangan lilitan gegelung, semakin bertambah sudut pesongan penunjuk galvanometer	1
(ii)	Semakin bertambah bilangan lilitan gegelung, semakin bertambah kadar perubahan fluks magnet	1
(d)	Semakin bertambah magnitud arus aruhan, semakin bertambah kadar pemotongan fluks	1

(e)	Hukum Faraday	1
(f)	Tambah bilangan magnet	1
	Jumlah	9

No.	Peraturan pemarkahan	Markah
2(a)	Petua Tangan Kiri Fleming	1
(b)(i)		2
(ii)	Wayar konduktor akan bergerak ke arah dalam magnet	1
(c)(i)	Bilangan magnet dalam Rajah 2.2 lebih tinggi berbanding Rajah 2.2	1
(ii)	Pesongan ketinggian ayunan wayar konduktor dalam Rajah 2.2 lebih tinggi berbanding Rajah 2.1	1
(d)	Sama	1
(e)	Semakin tinggi bilangan magnet, semakin tinggi ketinggian ayunan wayar konduktor	1
(f)	Semakin tinggi nilai arus elektrik yang dibekalkan, semakin tinggi ketinggian ayunan wayar konduktor	1
	Jumlah	9

BAB 11: ELEKTRONIK

No	Peraturan pemarkahan	Markah
1(a)	NPN	1
(b)	Menghadkan pengaliran arus tapak	1
(c)	Bertambah	1
	$V_{BE} = \left(\frac{R_2}{R_1 + R_2} \right) \times V_{IN}$ $= (50 / (1000 + 50)) (6)$ $= 0.29 \text{ V}$	1
	$V_{BE} = \left(\frac{R_2}{R_1 + R_2} \right) \times V_{IN}$ $= (100 / (1000 + 100)) (6)$	



	$= 0.57 \text{ V}$	1
	$V_{BE} = \left(\frac{R_2}{R_1 + R_2} \right) \times V_{IN}$ $= (200 / (1000 + 200)) (6)$ $= 1.0 \text{ V}$	1
(e)	Perintang 200Ω	1
	V_{BE} 1.0 V dapat menghidupkan transistor	1
	Jumlah	9
2(a)	Pancaran Termion / Thermionic Emission	1
(b)	Untuk memecutkan elektron ke anod pada halaju tinggi	1
(c)	$Q = It$ $= 0.01 \times 5$ $= 0.05 \text{ Coulomb}$	1 1
(d)(i)		1
(ii)	Sinar katod adalah zarah bercas negatif	1
	Jumlah	6

BAB 12: TENAGA NUKLEAR

No. Soalan	Peraturan pemarkahan	Markah
1(a)	Untuk menstabilkan nukleus yang tidak stabil	1
(b) i)	Reputan alfa	1
ii)	Reputan beta	1
c) i)	Cacat jisim Rajah 1.1 lebih tinggi daripada Rajah 1.2	1
ii)	Jumlah tenaga yang dibebaskan Rajah 1.1 lebih tinggi daripada Rajah 1.2	1
iii)	Semakin bertambah cacat jisim, semakin bertambah tenaga yang dibebaskan	1

d) i)	Masa yang diambil bagi suatu sampel radioaktif untuk mereput separuh daripada bilangan asal	1
ii)	Radim-226 Kerana Radium mengambil masa 1600 tahun sahaja untuk mereput menjadi separuh berbanding karbon mengambil masa 5600 tahun	1
	JUMLAH	8

BAB 13 : FIZIK KUANTUM

No	Peraturan pemarkahan	Markah
1 a)	Fotoelektron	1
b)		1
c) (i)	$hf = W + K_{\text{maks}}$ $(6.63 \times 10^{-34})(6 \times 10^{14}) = W + 6.2 \times 10^{-20}$ $W = 3.358 \times 10^{-19} \text{ J}$	1 1
(ii)	$W = hf_0$ $3.358 \times 10^{-19} = (6.63 \times 10^{-34}) f_0$ $f_0 = 5.065 \times 10^{14} \text{ Hz}$	1 1
d)		1 1
e)	Bertambah	1

2a)	Apabila satu permukaan logam disinari oleh alur cahaya pada frekuensi tertentu, elektron dari permukaan logam akan dipancar keluar.	1
b)	(i) Keamatan cahaya Rajah 2.1(a) < Rajah 2.1 (b)	1
	(ii) Bilangan fotoelektron Rajah 2.1(a) < Rajah 2.1 (b)	1
	(iii) frekuensi cahaya hijau Rajah 2.1(a) = Rajah 2.1 (b)	1
c)	Apabila keamatan cahaya bertambah, bilangan fotoelektron yang dibebaskan juga meningkat.	1
d) i)	$c = f \lambda$	
	$f = \frac{3 \times 10^8}{580 \times 10^{-9}}$	
	$= 5.172 \times 10^{14} \text{ Hz}$	1
ii)		1
	tiada fotoelektron dibebaskan frekuensi cahaya kuning kurang dari frekuensi ambang bagi logam	1
		1
	JUMLAH	9



Hadirnya Sebuah Inspirasi...Apresiasi Buat Dermawan Dalam Dunia Literasi

Kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kemurahan hati **Dr. Hayati binti Jaafar** dalam usaha memperkasakan **Modul Pentaksiran Intervensi Masyhur**. Sumbangan ini menjadi penyuntik semangat panel penulis agar terus berkarya. Sumbangan yang dihulurkan merupakan tanda keihklasan dan keprihatinan yang tidak ternilai, menjadikan impian penerbitan modul ini satu kenyataan.

Dengan sumbangan dan komitmen ini, kami dapat memanfaatkan ilmu, idea, dan halaman-halaman yang terkandung dalam modul ini untuk faedah warga pendidikan dan pelajar. Kerjasama ini tidak terhad dalam aspek penerbitan, namun memupuk usaha membentuk pemikiran, mencorak masa depan, dan menyebarkan ilmu dengan matlamat memberi impak yang berkekalan.

Terima kasih sekali lagi, semoga segala amalan baik yang diberikan dibalas dengan ganjaran kebaikan di sisi Allah S.W.T.

Sekalung Penghargaan Dari Kami,
Warga Pejabat Pendidikan Daerah Jasin.